

07/08/2003

Negara Asean hargai bantuan Malaysia

MALAYSIA menerima pujian dan penghargaan daripada negara anggota Asean lain atas bantuan yang dihulurkannya ketika krisis ekonomi Asia, ketika ia amat diperlukan.

Turut menyampaikan penghargaan ialah Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo yang berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penghargaan itu khususnya kerana inisiatif dan peranan Dr Mahathir dalam menganjurkan rundingan damai antara Barisan Pembebasan Islam Moro (Moro) dan kerajaan Filipina.

"Kami di Asean sedia merangkul kembali kedudukan sebagai antara rantau paling pantas berkembang di dunia," katanya dalam ucap-tama pada pembukaan mesyuarat Menteri Kewangan Asean Ketujuh di Manila, semalam.

Arroyo berkata, dasar kewangan saling melengkapi yang dirangka dan sudah dilaksanakan menteri kewangan banyak negara untuk meningkatkan permintaan, seharusnya memberi kesan positif terhadap eksport dan pelaburan.

"Tindakan bersama kita perlu bagi memastikan pertumbuhan yang mapan. Dasar kewangan dan ekonomi serantau mesti mengambil kira pelbagai perkara berbangkit di Asean," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata Malaysia sentiasa mengamalkan dasar yang menggalakkan ekonominya berkembang.

"Dasar ekonomi Malaysia juga sentiasa bersifat mesra pelabur dan bagi memastikan ia selaras dengan fokus serta objektif yang dirangka di bawah Pakej Strategi Baru," katanya.

Jamaludin berkata, pakej itu memfokuskan untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dan mengukuhkan daya saing negara.

Katanya, dalam mempromosikan pelaburan swasta, kerajaan menggalakkan sektor swasta untuk mengambil semula peranannya sebagai enjin pertumbuhan.

"Sektor swasta tidak seharusnya menokok pelaburan sedia ada tetapi turut meneroka pelbagai peluang perniagaan baru dengan lebih agresif dari semasa ke semasa."

Jamaludin berkata, pelaburan langsung asing (FDI) turut menyumbang ketara kepada usaha pembangunan ekonomi negara, terutama dalam mempercepatkan proses perindustrian Malaysia.

"Pada tahap ini, adalah perlu bagi Malaysia memfokus dan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan pelaburan domestik berikutan penyusutan kemasukan FDI ke Asean," katanya.

Ekonomi Malaysia kekal kukuh dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar pada suku pertama berkembang empat peratus berbanding 1.3 peratus pada suku pertama 2002.

Beliau berkata, pertumbuhan pula bersifat menyeluruh berikutan perkembangan berterusan dalam semua sektor ekonomi dengan pendorong utama datang daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Ini, katanya, disokong sebahagian besarnya oleh permintaan domestik dan diperteguhkan menerusi perbelanjaan kukuh sektor awam.